

28 JAN 1999

DR MAHATHIR TIBA DI DAVOS UNTUK FORUM EKONOMI SEDUNIA

Oleh: Yong Soo Heong

DAVOS (Switzerland), 28 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk menghadiri Forum Ekonomi Sedunia.

Beliau tiba dengan kereta api di stesen Davos-Dorf sebelum berjalan ke hotel penginapannya yang berdekatan dalam keadaan cuaca bersalji.

Perdana Menteri menaiki kereta api itu dari stesen Landquart untuk perjalanan selama 90 minit itu selepas tiba di lapangan terbang Zurich.

Dr Mahathir telah diundang untuk berucap pada forum tahunan selama enam hari itu yang bermula hari ini. Lebih 1,600 tokoh politik, perniagaan dan akademik menghadirinya.

Forum itu bertujuan merangka satu agenda ekonomi global.

Pemerhati berkata undangan kepada Dr Mahathir adalah bukti mengenai penghormatan masyarakat antarabangsa kepada Perdana Menteri dan keyakinan bahawa beliau mampu menyumbang ide untuk membentuk orde ekonomi dunia yang benar-benar adil dan saksama.

Ia juga sebagai tanda pengakuan pengkritik Malaysia bahawa negara itu di bawah kepimpinan Dr Mahathir telah berjaya mengharungi krisis ekonomi yang bermula pada pertengahan 1997.

-- BERNAMA

SHY MAI